

PERMOHONAN PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN ARTIKEL BERINDEKS (PYPA)

Syarat permohonan

1. Permohonan hanya boleh dibuat oleh staf akademik tetap dan kontrak daripada semua cawangan yang berstatus aktif dan adalah *corresponding author* tunggal artikel jurnal.
2. Bagi artikel yang mempunyai lebih dari seorang *corresponding author* (selain UiTM), kelulusan dan kadar pembiayaan adalah mengikut budi bicara (Rujuk Lampiran A) dan peruntukan yang ada.
3. Pemohon perlu memastikan status jurnal berindeks Journal Citation Reports (JCR) Web of Science (WoS) dan Scopus melalui pautan <https://mjl.clarivate.com/search-results> dan <https://www.elsevier.com/solutions/scopus/how-scopus-works/content>, masing-masing, serta tidak dikaitkan dengan amalan penerbitan pemangsa (rujuk <https://library.uitm.edu.my/en/research-ptar/predatory-journals-ptar>). Pengesahan boleh dibuat dengan menghantar hasil semakan kepada ueprmc@uitm.edu.my.
4. Artikel yang dipertimbangkan PYPA tidak dibiayai oleh mana-mana sumber lain. Pemohon yang mempunyai baki geran penyelidikan yang masih aktif dan boleh digunakan mesti terlebih dahulu menghabiskan dana sebelum mengemukakan permohonan. Pemohon tidak layak memohon PYPA, jika bahagian *acknowledgement* / *funding* artikel memetik geran penyelidikan yang tiada kaitan dengan kandungan artikel.
5. Pemohon dilarang membuat tuntutan berulang dengan PTJ.
6. Jika jurnal boleh menawarkan pilihan menerbit dengan percuma (langganan untuk membaca), pemohon tidak layak memohon PYPA untuk membiaya yuran penerbitan semata-mata untuk mendapatkan *open excess*.
7. Bayaran maksima yuran penerbitan akan ditanggung adalah seperti berikut:
 - 5% teratas Q1 (JCR WoS) \leq RM10,000 (Rujuk contoh di Lampiran B)
 - Q1/Q2 (JCR WoS) \leq RM5000
 - Q3/Q4 (JCR WoS) \leq RM3000
 - Scopus/ESCI \leq RM2000
8. Tiada had bilangan artikel yang akan ditanggung untuk setiap pemohon.
9. Pembiayaan yang akan diluluskan hanya kepada penerbit jurnal sahaja. Pembiayaan kepada pihak ketiga (contoh penganjur konferensi) tidak akan diluluskan. Lain-lain caj seperti perkhidmatan semak baca (*proof reading*) tidak dibiaya PYPA.
10. Jika jurnal boleh menawarkan pilihan menerbit dengan percuma (langganan untuk membaca), pemohon tidak layak memohon PYPA untuk membiaya yuran penerbitan semata-mata untuk mendapatkan *Open Excess*.
11. Pemohon yang menerbitkan artikel pada jurnal Q1/Q2 (JCR WoS) sahaja boleh mengemukakan arahan bayaran berserta invois untuk pembayaran terus kepada penerbit.
12. Pemohon yang menerbitkan artikel pada jurnal selain daripada Q1/Q2 (JCR WoS) perlu membuat bayaran kepada penerbit terlebih dahulu dan kemudiannya menuntut dari RMC

- UiTM. Pemohon bertanggungjawab memastikan artikel berjaya diterbitkan dan diindeks dalam Scopus/WoS.
13. Pemohon perlu mengisi borang permohonan PYPA (RMC/UEP/3/1/2020), berserta bukti-bukti berikut yang telah disemak dan disahkan oleh PTJ:
 - inbois/resit pembayaran,
 - pengesahan pengindeksan artikel dalam Prime dan UiTM Expert,
 - penyata akaun yang jelas menunjukkan transaksi pembayaran yuran penerbitan.
 14. Permohonan lengkap yang telah disahkan oleh PTJ perlu dihantar ke Sistem Serahan PYPA (<https://forms.gle/uMSEHH9M1ddGnxdPA>) untuk proses pembayaran.
 15. *Article processing fee* adalah bayaran yang dikenakan sebelum keputusan penerimaan (acceptance) sesuatu manuskrip dibuat dan tidak ditanggung oleh pihak RMC UiTM.
 16. Urusan penghantaran artikel kepada penerbit dan urusan penerbitan akan dipantau oleh PTJ masing-masing.
 17. Artikel jurnal yang diterbitkan oleh *MDPI*, *Frontiers* dan *Hindawi* tidak dibiaya PYPA.

LAMPIRAN A – KELAYAKAN PYPA UNTUK PERMOHONAN YANG MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA SEORANG *CORRESPONDING AUTHOR*

Bil.	Situasi	Kelayakan
i.	<i>Corresponding author</i> (bekas staf UiTM) adalah ketua projek yang dibiaya geran yang didaftarkan di UiTM.	Layak APC dibiaya UiTM (syarat: geran tamat atau baki tidak mencukupi, tambahan <i>corresponding author</i> dari UiTM).
ii.	<i>Corresponding author</i> (luar UiTM) adalah ketua projek yang dibiaya geran yang didaftarkan di luar UiTM di mana <i>corresponding author</i> (UiTM) adalah ahli projek.	Layak, APC dikongsi sama rata dengan semua <i>corresponding author</i> . (syarat: baki geran tidak cukup, geran tamat)
iii.	<i>Corresponding author</i> (UiTM) adalah ketua projek yang dibiaya geran yang didaftarkan di UiTM di mana <i>corresponding author</i> (luar UiTM) bukan ahli projek.	Layak, APC dikongsi sama rata dengan semua <i>corresponding author</i> . (syarat: baki geran tidak cukup, geran tamat)
iv.	<i>Corresponding author</i> (UiTM) adalah ketua penyelidik projek yang dibiaya geran yang didaftarkan di UiTM di mana <i>corresponding author</i> (luar UiTM) adalah ahli projek.	Layak, APC dikongsi sama rata dengan semua <i>corresponding author</i> . (syarat: baki geran tidak cukup, geran tamat)
v.	Artikel dibiaya pelbagai geran penyelidikan di mana semua <i>corresponding author</i> (UiTM dan luar UiTM) adalah ketua penyelidik projek berkenaan.	Layak, APC dikongsi sama rata dengan semua <i>corresponding author</i> . (syarat: baki geran tidak cukup, geran tamat, tajuk geran mesti berkaitan dengan skop geran penyelidikan)
vi.	<i>Corresponding author</i> (luar UiTM) adalah ketua penyelidik projek yang dibiaya geran yang didaftarkan di luar UiTM di mana <i>corresponding author</i> (UiTM) bukan ahli projek.	Tidak layak.
vii.	Tiada sumber pembiayaan.	Layak, APC dikongsi sama rata dengan semua <i>corresponding author</i> (Syarat: pemohon mengemukakan trel emel yang boleh membuktikan sumbangan ilmiah pemohon).

LAMPIRAN B – CONTOH JURNAL 5% TERATAS JOURNAL CITATION REPORT WEB OF SCIENCE

COMPUTATIONAL LINGUISTICS

×

Journal Impact Factor™

2021 Five Year
7.778 **5.204**

JCR Category	Category Rank	Category Quartile
COMPUTER SCIENCE, ARTIFICIAL INTELLIGENCE <i>in SCIE edition</i>	28/144	Q1
COMPUTER SCIENCE, INTERDISCIPLINARY APPLICATIONS <i>in SCIE edition</i>	16/113	Q1
LANGUAGE & LINGUISTICS <i>in AHCI edition</i>		
LINGUISTICS <i>in SSCI edition</i>	2/194	Q1

Source: Journal Citation Reports™ 2021

- **$28/144 \times 100 = 19\%$ teratas Q1 WoS dalam kategori sains computer, artificial intelligence**
- **$16/113 \times 100 = 14\%$ teratas teratas Q1 WoS dalam ketegori sains computer, interdisciplinary applications**
- **$2/194 \times 100 = 1\%$ teratas teratas Q1 WoS dalam kategori linguistik**